

Sila isikan tempat kosong berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan di dalam kotak tersebut.

Masalah sosial dalam kalangan remaja semakin meningkat. Bincangkan sebab-sebab berlaku masalah sosial dan usaha-usaha mengatasinya.

aur dengan tebing	televisyen	anak-anak	mencolok mata
menconteng arang ke muka	mencolok mata	berkolaboratif	ibu bapa
berkelakuan baik	salah laku remaja	buli	media massa
membimbing manusia ke jalan yang benar		Kesimpulannya	didikan agama

Masalah sosial dalam kalangan remaja semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini. Hampir setiap hari, media massa mahupun media cetak sering menyiarkan berita tentang _____. Sehubungan dengan itu, semua pihak harus bekerjasama bagi _____ dengan mencari faktor yang menyebabkan remaja terjebak ke kancah ini dan cara penyelesaiannya.

Punca utama ialah pengaruh media massa. Kebanyakan filem keganasan ditayangkan di panggung wayang mahupun _____. Malah genre filem ini amat disukai oleh golongan remaja masa ini terutamanya remaja lelaki. Oleh hal yang demikian, mereka akan belajar aksi yang dipaparkan dalam wayang tersebut dan mengaplikasikan kepada rakan-rakan yang mendorong berlakunya gejala _____.

Selain itu, kurang didikan agama. Kita sedia maklum bahawa agama mampu _____. Apabila remaja kurang _____, mereka akan melakukan perkara pidana seperti mencuri, buli dan sebagainya tanpa rasa bersalah. Jelaslah bahawa _____ sewajarnya memberikan didikan agama yang cukup kepada anak-anak supaya mereka tidak terjerumus ke lembah sosial.

Dalam usaha untuk mengatasi masalah sosial ini, ibu bapa sewajarnya memberi didikan agama yang sempurna kepada _____. Hal ini demikian kerana anak-anak yang mendapat didikan agama akan sentiasa _____. Mereka tidak akan _____ ibu bapa. Sebagai contoh, anak-anak yang mendapat didikan agama yang syumul akan sentiasa mendengar kata ibu bapa mereka mahupun guru. Izharlah bahawa agama sememangnya penyuluh kehidupan.

Selain itu, pihak kerajaan perlu menyekat atau menapis siaran di media massa seperti televisyen mahupun internet. Hal ini demikian kerana banyak siaran yang tidak senonoh disiarkan melalui _____. Misalnya, siaran seperti gusti, jenayah mahupun hiburan yang _____. Dengan adanya sekatan daripada pihak kerajaan sudah pasti remaja dapat diselamatkan daripada terjerumus ke kancah sosial.

_____, remaja merupakan anak watan yang bakal menjadi _____ pada masa hadapan persis kata mutiara pemuda harapan bangsa pemuda tiang negara. Oleh itu, semua pihak seharusnya _____ bagi aur dengan tebing dalam usaha membendung gejala ini. Dengan adanya kerjasama daripada pelbagai pihak sudah pasti dapat mewujudkan generasi muda yang cemerlang, gemilang dan terbilang.